

# LAWATAN BAHASA & BUDAYA

## Pelajar Antarabangsa UniMAP



Aizatul Akma Wani Ariffin

03 Oktober 2009, KLAH HOMESTAY, Sungkai, Perak. Program sehari anjuran Unit Aktiviti & Antarabangsa, Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni (JHEPA) UniMAP telah berjaya mengadakan Lawatan Bahasa Dan Budaya Pelajar Antarabangsa UniMAP di perkampungan Felda Sg. Klah, Sungkai, Perak. Program sehari ini membawa seribu manfaat kepada para pelajar antarabangsa UniMAP dalam memberi pendedahan kepada mereka mengenai bahasa serta budaya masyarakat kampung yang terdapat di Malaysia. Seramai 35 orang pelajar antarabangsa UniMAP terdiri daripada pelajar Yemen, China dan Indonesia telah menyertai lawatan ini.

Setibanya di sana, rombongan kami disambut oleh wakil Klah Homestay, iaitu Puan Zainun. Acara dimulakan dengan nyanyian lagu nasyid serta marhaban yang



disampaikan kumpulan Nasyid Mawardah serta persembahan tarian daripada kanak-kanak Felda Sg. Klah. Seterusnya, ucapan aluan disampaikan oleh Pengerusi Sg. Klah serta Ketua Kampung. Manakala wakil pelajar antarabangsa UniMAP turut menyampaikan ucapan kepada penduduk Felda Sg. Klah. Tidak ketinggalan juga, pelajar antarabangsa UniMAP daripada Yemen turut memperkenalkan tarian tradisi mereka kepada penduduk

setempat. Kesempatan ini diambil oleh penduduk setempat untuk turut sama mempelajari tarian tradisional daripada negara Yemen.

Para pelajar turut berpeluang menikmati hidangan masakan kampung dari negeri Perak. Sesi bergambar diadakan sebelum para pelajar antarabangsa dibawa melawat ke hot spring, iaitu kolam air panas yang terdapat di Klah Homestay yang merupakan tarikan utama pengunjung ke Sg. Klah, Perak.

Kesimpulannya, lawatan ini memberi banyak pengetahuan serta pendedahan kepada pelajar-pelajar antarabangsa UniMAP dalam menimba pengalaman dan membina rasa hormat terhadap bahasa serta budaya masyarakat Malaysia yang berbilang kaum.